

## Hijrah membina negara

Tan Sri Dr. Abdullah Muhammad Zin  
30 September 2016



**MENYINGKAP** sejarah penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah. Baginda SAW berhijrah meninggalkan negara dan keluarga tersayang. ALLAH SWT berfirman merakamkan hal ini mafhumnya:

"Iaitu mereka yang diusir dari kampung dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, mereka diusir semata-mata kerana mereka berkata: Tuhan kami ialah ALLAH." (Surah al-Hajj : 40).

Penghijrahan Rasulullah SAW bukan setakat berpindah tempat tetapi menghijrahkan keadaan umat yang lemah kepada kuat, tertindas kepada bergerak cergas, melarat kepada berdaulat dan dakwah dalam lingkungan terbatas kepada seluruh masyarakat.

Titik permulaan hijrah dan pembinaan negara menjadi tanda aras kebangkitan Islam yang seterusnya tersebar ke seluruh pelosok dunia. Hijrah dan pembinaan negara merupakan dua perkara yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Hijrah bukan setakat mengangkat prestasi individu tetapi turut merangkumi hal ehwal kemasyarakatan dan negara.

### **Memerdekaan umat Islam**

Peristiwa hijrah merakamkan pembinaan sebuah negara. Pembinaan negara Madinah bukan secara kekerasan dan penaklukan. Baginda SAW mendirikan masyarakat baharu dalam negara yang aman.

Baginda SAW melakukan penjenamaan terhadap negeri yang menjadi asas pembentukan negara iaitu Yathrib kepada al-Madinah al-Munawwarah. Nama yang menunjukkan kedaulatan yang diiktiraf semua pihak.

Rasulullah SAW memerdekaan umat Islam dengan terbentuknya negara Madinah yang menjadi milik semua kaum tanpa memilih apakah bangsa dan agama mereka. Muhajrin, Aus dan Khazraj serta Arab Wathani diiktiraf sebagai warga negara.

Semua pihak dilindungi undang-undang di bawah kedaulatan negara Madinah. Setelah itu, kedudukan politik Madinah diperkuat melalui persefahaman semua pemimpin kaum dengan menyetujui butir-butir perjanjian Piagam Madinah.

Pembinaan negara Madinah bukan bermakna menumpang hidup dan menyusahkan orang lain, Rasulullah SAW dan para sahabat RA memainkan peranan membentuk masyarakat baharu, membina kematangan politik dan menyampaikan dakwah Islam ke pelosok dunia. Rasulullah SAW bersabda mafhumnya:

"Aku diperintahkan untuk berhijrah ke sebuah kota yang akan mengalahkan kota-kota lain. Kota itu disebut Yathrib. Itulah Madinah. Kota itulah yang akan membersihkan manusia (daripada segala keburukan dan kemosyikan) sebagaimana tungku api menghilangkan kotoran besi." (Riwayat Bukhari).

### **Transformasi ummah**

Menurut Muhammad Hamidullah dalam bukunya The First Written Constitution in the World (3rd.ed), ketika Rasulullah SAW sampai di Madinah, daripada 10,000 penduduk Madinah, bilangan umat Islam kombinasi Ansar bersama Muhajirin Makkah hanya sekitar ratusan orang. Hampir 50% penduduk Madinah ketika itu terdiri daripada keturunan Yahudi yang terbahagi kepada 10 puak, sementara penduduk keturunan Arab kepada 12 kabilah.

Keadaan penduduk Arab di Madinah tidak sehebat Quraisy Makkah yang memiliki kekayaan, menguasai perdagangan dan mempunyai struktur politik yang tersusun. Muhammad Ahsan dalam tulisannya *Globalization and The Underdeveloped Muslim World : A Case Study Of* Pakistan dalam Islam Encountering Globalization, (Ed. Ali Mohammad) antara tindakan awal yang dilakukan Rasulullah SAW ketika sampai di Madinah adalah mengadakan bancian penduduk.

Bancian yang dilaksanakan tidak terbatas untuk bilangan penduduk dari segi pecahan jantina, kaum dan usia, bahkan merangkumi guna tenaga kerja, penguasaan ilmu pengetahuan, tahap literasi dan pegangan agama.

Maklumat yang tepat mengenai profil penduduk merupakan komponen penting dalam merangka formula pemerintahan dan memastikan program yang diformulasikan menepati keperluan serta bersesuaian dengan budaya, komposisi serta taburan penduduk setempat dan semasa. Data-data yang dikumpulkan dijadikan asas dalam perancangan dan pembangunan sistem dan corak pemerintahan negara.

Diriwayatkan Rasulullah SAW menggali telaga-telaga baharu di sekitar Madinah sehingga air bersih cukup dibekalkan kepada seluruh penduduk Madinah. Baginda membawa gaya hidup baharu sehingga Madinah diriwayatkan menjadi bandar selamat.

Baginda menghidupkan budaya al-Muaakhah iaitu persaudaraan Muhajirin dan Ansar, menggalakkan pinjaman tanpa faedah (qardhul hasan) dan infaq fi sabilillah yang mendasari sosioekonomi Madinah untuk mengukuhkan kestabilan hidup bermasyarakat.

Pembentukan masyarakat memberi atau giving society ini merubah dasar kependudukan Madinah. Realiti baharu ini dikunci mati melalui pengharaman riba yang di antara punca utama eksploitasi dalam masyarakat.

Walaupun demikian, golongan Muhajirin tidak mengambil kesempatan atas hubungan ini, malahan berusaha membina ekonomi sendiri melalui sektor perniagaan. Inilah kebijaksanaan strategi pembasmian kemiskinan yang amat signifikan dalam menghayati peristiwa hijrah yang seharusnya menjadi inspirasi dalam melakukan transformasi ummah.

## **Kemaslahatan umum**

Hari ini, anggaran penduduk semasa Malaysia 2014-2016, Jabatan Perangkaan Malaysia, etnik Bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 68.6% diikuti etnik Cina (23.4%), India (7.0%) dan lain-lain (1.0%). Sepanjang 59 tahun kemerdekaan, negara dibina dengan semangat kesederhanaan dan keseimbangan dalam menyatu kepelbagaiannya.

Dalam konteks pemerintahan dan pentadbiran, dasar pembangunan yang dirangka dipastikan menjaga kemaslahatan umum. Pembasmian kemiskinan dan penyusunan masyarakat dilaksanakan untuk mencapai sasaran sosioekonomi yang saksama sebagai platform mewujudkan keharmonian dan perpaduan dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan agama.

Kesederhanaan dijadikan pendekatan penting dalam pentadbiran. Pendekatan ini menekankan aspek kesederhanaan dengan mengutamakan keadilan sosial untuk semua rakyat tanpa mengira kaum. Ini kerana kerajaan sedar tuntutan keterlaluan atas nama keterbukaan dan liberalisme menjadi ancaman masyarakat.

Dalam amalan politik, kerajaan tidak mengamalkan politik menindas bukan Islam, malahan ramai wakil rakyat daripada pelbagai kaum terlibat dalam pembentukan dasar negara.

Dalam ekonomi negara, semua kaum menikmatinya dan tidak merampas apa yang kaum lain nikmati. Kerajaan komited berpegang kepada prinsip Perlembagaan serta menekankan toleransi, kesederhanaan, sifat kemanusiaan dan timbang rasa sehingga memberi kesan positif terhadap keamanan dan pembangunan negara.

Prinsip kesederhanaan turut dikenakan di peringkat antarabangsa yang menjadi landasan menghapuskan prasangka dan prejudis Barat terhadap Islam yang dituduh menganjurkan keganasan.

Hijrah Rasulullah SAW bukan sekadar pengisahan setiap kali awal Muharam. Adalah penting untuk mengambil pengajaran sebagai panduan dalam menelusuri sirah Nabi SAW membina negara.

Tuntutan hijrah pada hari ini bukan lagi sekadar perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi merupakan transformasi atau perubahan minda dan budaya hidup yang berteraskan ajaran Islam. Hijrah yang bersandarkan keimanan dan ketakwaan mampu mengubah landskap pegangan akidah, ibadah, akhlak, sosial dan ketamadunan serta masa depan ummah. ALLAH SWT berfirman mafhumnya:

"Dan sesiapa yang berhijrah di jalan ALLAH, nescaya ia akan dapat di bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; sesiapa yang keluar dari rumahnya berhijrah kepada ALLAH dan Rasul-Nya, kemudian ia mati, sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi ALLAH. Dan ALLAH Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Surah an-Nisa': 100)

Hijrah melahirkan ummah kreatif dan berinovasi mendepani cabaran semasa dan perkembangan yang terus berlaku. Hijrah suatu keperluan. Ia berlaku sepanjang zaman. Salam Maal Hijrah 1438 H. Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah.

\* Tan Sri Dr. Abdullah Muhammad Zin, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri